



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 24 APRIL 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 24 April 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **2,292 kes** (365,900 kes kumulatif, 93.8%);
- Kes baharu : **2,717 kes** (390,252 kes kumulatif);
- Kes import : **26 kes** (2 warganegara, 24 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **2,691 kes** [2,493 warganegara (92.6%); 198 bukan warganegara (7.4%)];
- Kes aktif : **22,926 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **272 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **124 kes**; dan
- Kes kematian : **11 kes** (1,426 kes kumulatif, 0.37%; 10 warganegara; 1 bukan warganegara).

Pada hari ini, Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **768 kes (28.3 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **567 kes (73.8 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat kes positif COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Sarawak sebanyak **570 kes (21.0 peratus)** dan Kelantan sebanyak **518 kes (19.1 peratus)**.

Sebanyak **21 kes (0.8 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara dan Depot Tahanan Imigresen (DTI) yang membabitkan Kluster Tembok Choh Dua (12 kes), dan Kluster Tembok Pengkalan Chepa (9 kes).

Terdapat 11 kes kematian pada hari ini yang melibatkan lima (5) kes di Sarawak, tiga (3) kes di Selangor, dua (2) kes di Sabah, dan satu (1) kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sebanyak 10 kes melibatkan warganegara dan satu (1) bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 24 April 2021:

- Jumlah kluster : **1,583 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **10 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,231 kluster** (termasuk **12 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu Kluster Tapak Bina Bulatan Pandan, Kluster Inanam Taipan, Kluster Jalan Alam, Kluster Jalan Long Yunus, Kluster Taman Ria Enam, Kluster Melamam, Kluster Begalak, Kluster Jalan Firma Dua, Kluster Sementa 27, Kluster Lintang Kampung Jawa, Kluster Sungai Atap, dan Kluster Tapak Bina Jalan Satu);
- Jumlah kluster aktif : **352 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **72 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Kampung Domis (63 kes)**, **Kluster Jalan Selirik (59 kes)** dan **Kluster Abak Bon (28 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **10 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini yang melibatkan tujuh (7) kluster tempat kerja, dua (2) kluster komuniti, dan satu (1) kluster sekolah / institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

| No. | Nama Kluster | Negeri | Kategori Kluster |
|------------|---------------------|-----------------|------------------------------------|
| 1 | Jalan Abdul Karim | Selangor | Tempat Kerja |
| 2 | Jalan Melor | Selangor | Tempat Kerja |
| 3 | Lebuh Ipoh-Lumut | Perak | Tempat Kerja |
| 4 | Jalan Datoh | Perak | Tempat Kerja |
| 5 | Tingkat Mak Mandin | Pulau Pinang | Tempat Kerja |
| 6 | D'Lahar | Terengganu | Tempat Kerja |
| 7 | Desa Mawar | Pahang | Tempat Kerja |
| 8 | Jalan Kolam Dua | Perak | Komuniti |
| 9 | Dambai Inanam | Sabah | Komuniti |
| 10 | Jalan St Thomas | WP Kuala Lumpur | Sekolah / Institusi Pendidikan KPM |

MAKLUMAT TERKINI VARIANT OF CONCERN (VOC) SOUTH AFRICAN B.1.351

Susulan daripada penemuan 17 kes varian South African B.1.351 yang telah dilaporkan kepada KKM dari bulan Januari sehingga Mac 2021, surveilan genomik COVID-19 terus dijalankan dan telah melibatkan lebih banyak sampel dari negeri-negeri di seluruh negara.

Terkini, melalui surveilan genomik yang dijalankan dari 15 April sehingga 23 April 2021, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) telah mengenalpasti dan mengesahkan kewujudan empat (4) lagi kes tempatan COVID-19 yang dijangkiti varian South African B.1.351, menjadikan jumlah terkini adalah **21 kes**. Daripada jumlah ini, tiga (3) dilaporkan di daerah Kuala Langat, manakala satu (1) kes lagi merupakan kes pertama di luar Selangor iaitu kes COVID-19 yang disahkan di Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Negeri Sembilan.

Jadual 1: Ringkasan kes-kes COVID-19 dengan Varian South African B.1.351

| | KES COVID-19 | SARINGAN | VARIAN SOUTH AFRICAN B.1.351 |
|--------------------------------------|-----------------|----------|---------------------------------|
| Kluster Jalan Lima | 57 | 447 | 4 |
| Kluster Jalan Kebun Baru | 1,116 | 1,585 | 9 |
| Kluster Teknologi Emas | 258 | 325 | 3 (2 kes baharu) |
| Saringan kontak rapat | 3 | - | 4 (1 kes baharu) |
| Punca masih dalam siasatan (Baru) | 1 | | 1 |
| JUMLAH | | | 21 |

Nota: Kluster dikemaskini sehingga 24 April 2021

Selain itu, melalui surveilan genomik terkini bagi tempoh yang sama (15 April hingga 23 April 2021), sebanyak 29 kes COVID-19 telah menjalani jujukan genom penuh merangkumi negeri Johor, Selangor, Putrajaya, Sabah, dan Sarawak. Data genom SARS-CoV-2 bagi kes-kes ini menunjukkan kitaran *lineage* yang lazim dijumpai iaitu Malaysian B.1.524 di Semenanjung Malaysia dan B.1.466.2 di Sarawak yang dikategorikan sebagai **bukan Variant of Concern**.

Jadual 2: Jenis-jenis varian yang terdapat melalui surveilan genomik.

| NEGERI | SAMPEL | KEPUTUSAN |
|---------------|---------------|--------------------------|
| Selangor | 12 kes | <i>Lineage B.1.524</i> |
| Putrajaya | 3 kes | <i>Lineage B.1.524</i> |
| Sabah | 4 kes | <i>Lineage B.1.524</i> |
| Sarawak | 4 kes | <i>Lineage B.1.466.2</i> |
| Johor | 6 kes | <i>Lineage B.1.524</i> |

KKM mengambil maklum dan menyambut baik pengumuman oleh Yang Berhormat Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan mengenai keputusan Kerajaan mengenakan kawalan lebih ketat bagi pengembara yang baru tiba dari negara yang **melaporkan penularan virus SARS-CoV-2 jenis VOC dalam komuniti** di mana **tempoh kuarantin adalah dipanjangkan dari selama 10 hari kepada 14 hari**. Ini akan mengurangkan risiko kemasukan virus SARS-CoV-2 jenis VOC ke dalam Malaysia. Maklumat lanjut mengenai perkara ini akan dikemaskini segera bagi memudahkan urusan perancangan perjalanan bagi pengembara.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

Elakkan 3S: (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).

Amalkan 3W: (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

24 April 2021 @ 6.30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 24 APRIL 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

| NEGERI | BILANGAN KES BAHARU *() | BILANGAN KES KUMULATIF |
|---------------------------|-------------------------------------|-----------------------------------|
| SELANGOR | 768 (12) | 127,260 |
| SABAH | 132 | 57,538 |
| JOHOR | 126 (1) | 44,128 |
| WP KUALA LUMPUR | 240 (13) | 41,754 |
| SARAWAK | 570 | 27,319 |
| PULAU PINANG | 134 | 18,945 |
| NEGERI SEMBILAN | 27 | 18,234 |
| PERAK | 54 | 14,324 |
| KELANTAN | 518 | 11,193 |
| KEDAH | 34 | 9,397 |
| MELAKA | 30 | 7,125 |
| PAHANG | 22 | 4,915 |
| TERENGGANU | 50 | 4,002 |
| WP LABUAN | 0 | 2,442 |
| WP PUTRAJAYA | 11 | 1,321 |
| PERLIS | 1 | 355 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 2,717 (26) | 390,252 |

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 2,717 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 24 April 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 768 kes**

- 19 kes daripada kluster-kluster, termasuk enam (6) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Melor, Kluster Jalan Abdul Karim dan Jalan St Thomas**;
- 548 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- 12 kes import dari luar negara; dan
- 189 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 570 kes**

- 137 kes daripada kluster-kluster sedia ada,
- 360 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- 73 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 518 kes**

- 149 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 277 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 92 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 240 kes**
 - 5 kes daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan St. Thomas**;
 - 116 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - 13 kes import dari luar negara; dan
 - 106 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 134 kes**
 - 16 kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tingkat Mak Mandin**;
 - 57 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 61 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sabah: 132 kes**
 - 16 kes daripada kluster-kluster, termasuk lima (5) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Dambai Inanam**;
 - 91 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 25 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Johor: 126 kes**
 - 67 kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 33 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 25 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 54 kes**
 - 26 kes daripada kluster-kluster sedia ada; termasuk 17 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Lebuah Ipoh-Lumut, Kluster Jalan Datoh, dan Kluster Jalan Kolam Dua**;
 - 15 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 13 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 50 kes**
 - 37 kes daripada kluster-kluster, termasuk 20 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster D'Lahar**;
 - Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 34 kes**
 - 10 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 15 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 9 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 30 kes**
 - Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 14 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tujuh (7) daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 27 kes**
 - 11 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 13 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 22 kes**
 - 12 kes daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Desa Mawar**;
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: 11 kes**
 - Empat (4) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perlis: 1 kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

LAMPIRAN 3

Ringkasan 11 kes kematian pada 24 April 2021 adalah seperti berikut:

| No. Kematian | Negeri | Jantina (warganegara) | Umur (tahun) | Hospital / Tempat Kematian | Latar Belakang |
|--------------|-----------------|-----------------------|--------------|--|--|
| 1416 | Selangor | Perempuan (WN) | 59 | Hospital Sungai Buloh | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik |
| 1417 | Sarawak | Lelaki (WN) | 61 | Hospital Bintulu | Penyakit darah tinggi dan buah pinggang kronik |
| 1418 | Sarawak | Perempuan (WN) | 55 | Hospital Bintulu | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik |
| 1419 | Selangor | Lelaki (WN) | 79 | Hospital Kuala Lumpur | Penyakit jantung dan buah pinggang kronik |
| 1420 | Sarawak | Perempuan (WN) | 72 | Hospital Bintulu | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia |
| 1421 | Selangor | Lelaki (WN) | 36 | Hospital Ampang | - |
| 1422 | Sabah | Perempuan (WN) | 80 | Hospital Tawau | Penyakit darah tinggi |
| 1423 | Sarawak | Lelaki (WN) | 55 | Hospital Bintulu | Penyakit darah tinggi dan strok |
| 1424 | WP Kuala Lumpur | Lelaki (WN) | 41 | Hospital Kuala Lumpur | Obesiti |
| 1425 | Sarawak | Lelaki (WN) | 62 | Jenazah dibawa ke Hospital Sarikei | Penyakit darah tinggi dan asma |
| 1426 | Sabah | Lelaki (BWN) | 39 | Jenazah dibawa ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan | - |

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

Perincian 10 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER JALAN ABDUL KARIM

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Klang di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 23 April 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Haji Abdul Karim 53, Klang. Sehingga 24 April 2021, sejumlah 27 individu telah disaring, di mana **11 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER JALAN MELOR

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Hulu Selangor di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-379970) dilaporkan positif COVID-19 pada 21 April 2021 hasil saringan sendiri. Kluster ini melibatkan kakitangan sebuah syarikat yang terletak di Jalan Melor 2/5C, Taman Sri Serendah, Hulu Selangor. Sehingga 24 April 2021, sejumlah 20 individu telah disaring, di mana **tujuh (7) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER LEBUH IPOH-LUMUT

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kinta dan Perak Tengah di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-374629) dilaporkan positif COVID-19 pada 18 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan sebuah pusat latihan yang terletak di Lebuhraya Ipoh, Lumut. Sehingga 24 April 2021, sejumlah 37 individu telah disaring, di mana **17 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER JALAN DATOH

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kinta di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-378941) dilaporkan positif COVID-19 pada 20 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan sebuah syarikat yang terletak di Jalan Datoh, Kampung Kuchai, Ipoh. Sehingga 24 April 2021, sejumlah 30 individu telah disaring, di mana **12 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER TINGKAT MAK MANDIN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seberang Perai Utara di Pulau Pinang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-370060) dilaporkan positif COVID-19 pada 16 April 2021 hasil saringan

kontak rapat. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Tingkat Mak Mandin 5, Butterworth. Sehingga 24 April 2021, sejumlah 54 individu telah disaring, di mana **13 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER D'LAHAR

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Besut di Terengganu. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-390191) dilaporkan positif COVID-19 pada 24 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan sebuah syarikat yang terletak di Taman D'Lahar, Kampung Raja, Besut. Sehingga 24 April 2021, sejumlah 201 individu telah disaring, di mana **40 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER DESA MAWAR

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Rompin di Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-381794) dilaporkan positif COVID-19 pada 21 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan sebuah syarikat yang terletak di Desa Mawar 1, Muadzam Shah, Rompin. Sehingga 24 April 2021, sejumlah 166 individu telah disaring, di mana **sembilan (9) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER JALAN KOLAM DUA

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Larut, Matang, dan Selama di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-381228) dilaporkan positif COVID-19 pada 21 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti penularan kes-kes dalam kluster ini dilaporkan berlaku iaitu di Jalan Kolam 2, Kampung Expo, Kamunting. Sehingga 24 April 2021, sejumlah 31 individu telah disaring, di mana **lapan (8) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER DAMBAI INANAM

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kota Kinabalu, Kuala Penyu, dan Putatan di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-373392) dilaporkan positif COVID-19 pada 18 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah majlis sosial yang diadakan di Kampung Dambai Inanam, Kota Kinabalu. Sehingga 24 April 2021, sejumlah 377 individu telah disaring, di mana **19 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

10. KLUSTER JALAN ST THOMAS

Kluster sekolah / institusi pendidikan KPM ini melibatkan daerah Kepong, Cheras, dan Titiwangsa, di Wilayah Persekutuan Kuala

Lumpur; daerah Gombak, Hulu Langat, dan Petaling di Selangor, serta daerah Raub di Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-379782) dilaporkan positif COVID-19 pada 21 April 2021 hasil saringan kontak rapat. Kluster ini melibatkan pelajar-pelajar sebuah sekolah yang terletak di Jalan St Thomas, Kepong. Sehingga 24 April 2021, sejumlah 96 individu telah disaring, di mana **11 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.